

NO. SOALAN: 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR)

RUJUKAN : 9092

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a)apakah tindakan lanjut yang akan diambil terhadap pahlawan-pahlawan Sulu yang telah ditahan di penempatan Telipok, Sepanggar baru-baru ini; dan

(b)apakah status Datu Amir Bahar Kiram yang ditahan di dalam Penjara Kepayan Sabah pada ketika ini.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), pihak polis sedang giat berusaha untuk mengenalpasti individu-individu tertentu di Sabah yang telah dilantik oleh kepimpinan Kesultanan Sulu bagi meneruskan agenda mereka untuk menuntut Sabah daripada Malaysia. Sehingga kini, pihak polis telah menahan seramai 6 orang yang terdiri daripada warganegara Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 2 orang adalah bertaraf Panglima manakala selebihnya pengikut biasa. Walau bagaimanapun, saya tidak berhasrat untuk mendedahkan maklumat mereka secara terperinci agar tidak mengganggu proses siasatan polis yang dijalankan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Datu Amir Bahar Kiram masih menjalani proses perbincangan. Sehubungan itu, saya tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut berhubung perkara ini agar tidak mengganggu proses perbincangan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar]

SOALAN : (Datuk Jumat bin Idris) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf jalan pertanian Kg. Sonsongon Kokol dan Kg. Bongkud bagi membantu para pengusaha pertanian kecil di kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi penyediaan menaik taraf jalan pertanian, keutamaan akan diberikan kepada kawasan jelapang padi. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan diluar jelapang dan juga pertanian yang lain seperti sayuran dan buah – buahan turut diberi perhatian.

Sepanjang RMKe – 11, Kementerian akan meneliti keperluan-keperluan yang dibangkitkan dan sedia untuk mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar]
- SOALAN** : Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah FAMA boleh membantu petani-petani Sepanggar dalam meningkatkan mutu produk dan tambah nilai kepada produk pertanian Sepanggar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA sentiasa bersedia membantu petani-petani Sepanggar dalam meningkatkan mutu dan tambah nilai produk mereka agar mendapat pasaran yang lebih meluas di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara bantuan yang disediakan bagi membantu petani/usahawan industri asas tani yang ingin mengembang dan memajukan lagi perusahaan mereka adalah melalui :

- a) Program Geran Pemandanan/*Change Upgrade Product* (CUP). Program ini dipertimbangkan kepada usahawan di Tahap 1 dan 3 iaitu usahawan yang memperoleh nilai jualan tahunan kurang daripada RM300,000.00. Program ini menyediakan bantuan di dalam bentuk geran pemandanan meliputi skop seperti berikut:
- i. Kajian nutrisi dan jangka hayat produk;
 - ii. Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan;
 - iii. Peningkatan kapasiti pengeluaran;
 - iv. Penambahbaikan premis perniagaan ke arah pensijilan; dan
 - v. Perolehan papan tanda perniagaan.

- b) Program Geran Pematanan *High Impact Product* (HIP). Program ini dipertimbangkan kepada usahawan di Tahap 4 dan 5 iaitu usahawan yang memperoleh nilai jualan tahunan antara RM300,000.00 hingga RM15,000,000.00. Program ini menyediakan bantuan di dalam bentuk geran pematanan meliputi skop seperti berikut:
- i. Kajian nutrisi dan jangka hayat produk;
 - ii. Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan;
 - iii. Peningkatan kapasiti pengeluaran; dan
 - iv. Penambahbaikan premis perniagaan ke arah pensijilan.
- c) Program Pembangunan Keupayaan Pemasar dan Kualiti Produk Agromakanan; Bantuan ini diberikan kepada usahawan di Tahap 1 dan 3 iaitu usahawan yang memperoleh nilai jualan tahunan kurang daripada RM300,000.00. Program ini menyediakan bantuan kepada usahawan dalam bentuk analisa produk, rekabentuk dan cetakan label.
- d) Kursus serta bengkel yang sedang dan akan dilaksanakan pada tahun 2016. Pelaksanaan Pelan Operasi Latihan ini bukan sahaja merangkumi kursus bersifat teori tetapi terdapat juga kursus secara *hands-on* yang disasarkan kepada usahawan.
- e) Lawatan industri dan sesi perkongsian ilmu antara usahawan-usahawan yang telah berjaya dengan usahawan-usahawan baru.